



Saifuddin (dua dari kanan) bersama Prof Dr Denis Zvizdic (kanan) dan Sefik Dzaferovic (tengah) pada Sarajevo Halal Fair 2019 semalam.

## **Malaysia sasar eksport produk halal RM50 bilion tahun depan**

**SHAH ALAM** - Malaysia berhasrat untuk mengeksport produk dan perkhidmatan halal sebanyak RM50 bilion pada tahun 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai pemimpin global dalam inovasi, pengeluaran dan perdagangan dalam sektor halal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sasaran itu dapat dicapai melalui kerjasama yang erat di antara agensi kerajaan dan sektor swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita juga telah merangka beberapa usaha dan program terutamanya Halal Industry Blueprint for 2008-2020 yang bertujuan untuk mencapai matlamat menjadikan negara sebagai pemimpin global dalam inovasi, pengeluaran dan perdagangan dalam sektor halal."

"Ketika ini, Malaysia melalui Ta-

man Halal yang diiktiraf oleh HALMAS iaitu akreditasi yang diberi oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) telah berjaya menarik pelaburan melebihi RM13 bilion.

"Ia dijangka berkembang pesat selaras pertambahan penduduk Islam seluruh dunia yang kini mencapai 1.8 bilion orang," katanya ketika menyampaikan ucaptama di Sarajevo Halal Fair 2019 di Bosnia Herzegovina. Teks ucapan beliau dikelaskan arkan di sini semalam.

Pada acara itu, Saifuddin bersama Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Bosnia Herzegovina, Prof Dr Denis Zvizdic dan Anggota Presidennya, Sefik Dzaferovic menyaksikan upacara menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) bernilai sekitar EUR25 juta (RM115 juta) antara syarikat-syarikat Malaysia dan Bosnia Herzegovina.